



SIARAN MEDIA

TUN DATUK PATINGGI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG “NEGARAWAN TERBILANG”

KUCHING: 9 SEPTEMBER 2024 - Program Mengenang Negarawan Tun Datuk Patinggi Temenggong Jugah anak Barieng “Negarawan Terbilang” anjuran Kementerian Perpaduan negara menerusi Arkib Negara Malaysia diadakan bagi mengenang pengorbanan, jasa dan sumbangan yang telah dicurahkan oleh Tun Datuk Patinggi Temenggong Jugah anak Barieng di Malaysia dan negeri Sarawak khususnya. Program ini telah disempurnakan oleh YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas, Timbalan Premier Sarawak mewakili Yang Amat Berhormat YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr.) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Patinggi Abang Haji Openg, Premier Sarawak pada pagi ini.

Program Mengenang Negarawan yang diadakan di *Dayak Cultural Foundation*, merupakan salah satu program *signature* bagi Arkib Negara Malaysia juga pengisian program sempena Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia bagi tahun 2024 (HKHM 2024). Bersesuaian dengan tema ‘Negarawan Terbilang”, Program Mengenang Negarawan ini mengangkat Tun Datuk Patinggi Temenggong Jugah Anak Barieng sebagai tokoh yang telah banyak menyumbang tenaga dan jasa dalam membentuk keharmonian negara melalui pelbagai usaha baik sebelum, semasa dan selepas penubuhan Malaysia malah sehingga tamat era pentadbiran beliau.

Penganjuran Program Mengenang Negarawan ini selaras dalam usaha menyebarluaskan maklumat sejarah dan legasi ketokohan Tun Datuk Patinggi Temenggong Jugah Anak Barieng. Negarawan yang telah banyak memberi sumbangan dalam usaha merealisasikan penubuhan Malaysia, membangunkan ekonomi negara khususnya negeri Sarawak dan membentuk perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia yang berbilang agama dan bangsa.

YB Datuk Aaron Ago Dagang menzahirkan setinggi harapan agar jasa dan pengorbanan Tun Jugah bukan sahaja menjadi sumber inspirasi dan teladan seluruh rakyat Malaysia khususnya warga Sarawak, tetapi juga dicontohi oleh pemimpin masyarakat dan politik demi kemakmuran negara Malaysia tercinta.

Dalam majlis yang sama, turut diadakan sesi perkongsian oleh Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Amar Leonard Linggi Jugah anakanda kepada Tun Jugah dan Yang Berhormat Dato Sri Alexander Nanta Linggi yang juga merupakan cucunda kepada Tun Jugah.

Selain itu, program ini turut diserikan lagi dengan Sesi Bicara Negarawan yang dikendalikan oleh tiga (3) orang ahli panel bagi mengupas mengenai perjuangan, jasa, sumbangan, kepimpinan dan ketokohan Tun Datuk Patinggi Temenggong Jugah anak Barieng. Bahkan para pengunjung turut berpeluang melihat pameran eksklusif yang bertemakan “Negarawan Terbilang” yang memaparkan koleksi khas Tun Jugah. Pameran ini adalah hasil usahasama Arkib Negara Malaysia dan Yayasan Tun Jugah.

Kerajaan telah memutuskan untuk mengabadikan sebuah memorial yang menempatkan tokoh-tokoh negarawan termasuk Tun Jugah yang terletak di Jalan Dato' Onn, Kuala Lumpur dalam usaha membentuk identiti nasional dengan semangat jati diri, dan patriotik selaras dengan matlamat yang digariskan dalam Dasar Perpaduan Negara. Kementerian Perpaduan Negara mengalu-alukan seluruh rakyat Malaysia untuk melawat Memorial Negarawan ini untuk mengenali Tun Jugah dengan lebih dekat dan mencontohi pengorbanan, jasa dan sumbangan beliau kepada negara.

Arkib Negara Malaysia

Tarikh : 9 September 2024
Emel : pro@arkib.gov.my
Rujukan : Arkib.100-9/1/1 JLD2 (49)